

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RPK 451 Ekonomi Bandar Dan Wilayah

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Anda adalah seorang perancang bandar dan wilayah di sebuah negara membangun yang sedang menghadapi masalah ketidakseimbangan wilayah yang agak serius, khususnya masalah-masalah berikut:

- (i) penghijrahan penduduk dari wilayah mundur ke wilayah maju
- (ii) penumpuan pembangunan ke wilayah-wilayah tertentu sahaja

Selaras dengan itu, anda telah ditugaskan untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Bincangkan masalah-masalah ini dan berikan cadangan-cadangan yang sesuai untuk melaksanakan tugas tersebut.

( 25 markah )

2. (a) (i) Bincangkan lima (5) dasar perumahan di bandar.

(ii) Pilih dua (2) dasar dan terangkan faktor kegagalan dasar-dasar ini dilaksanakan di negara membangun.

(b) (i) Secara ringkas, jelaskan maksud proses penapisan perumahan (filtering process).

(ii) Sekiranya pelbagai 'mutu' perumahan dapat dilakukan, adakah proses ini masih berfungsi?

( 25 markah )

... 2/-

3. Jadual input-output untuk tahun 1990

Belian Jualan	Industri			Ekspot
	I <sub>1</sub>	I <sub>2</sub>	I <sub>3</sub>	
I <sub>1</sub>	100	200	100	100
I <sub>2</sub>	100	300	250	350
I <sub>3</sub>	300	150	50	0
Buruh	0	350	100	50

Petunjuk I<sub>1</sub> = pembuatan  
I<sub>2</sub> = perkhidmatan  
I<sub>3</sub> = pertanian

Pihak kerajaan telah mengambil keputusan untuk menambahkan ekspot untuk setiap sektor industri untuk tahun 1995 sebagai berikut:

- I<sub>1</sub> - penarikan para pelabur asing untuk meningkatkan jualan kepada 300
- I<sub>2</sub> - tiada pertambahan semasa yang dilakukan
- I<sub>3</sub> - pemberian subsidi untuk meningkatkan jualan kepada 200
- (i) Kirakan kesan pertambahan ini ke atas output untuk setiap sektor industri.
- (ii) Kirakan juga nilai pengganda untuk setiap sektor industri.
- (iii) Rumuskan keputusan-keputusan yang diperolehi.

( 25 markah )

4. (a) Analisis syif-syer adalah satu kaedah yang digunakan untuk mengukur pertumbuhan wilayah.

- (i) Jelaskan kaedah pengukuran yang digunakan di dalam analisis ini.
- (ii) Wajarkah analisis ini digunakan untuk mengkaji serta mengukur pertumbuhan wilayah di negara-negara mundur? Mengapa?

- (b) "Urbanisasi adalah penghalang kepada kemajuan di negara-negara membangun"

Bincangkan kenyataan ini.

( 25 markah )

5. (a) Lakarkan cerun gunatanah-gunatanah berikut berdasarkan keupayaan membayar untuk setiap institusi mengikut jarak dari pusat bandar.

(i) Kediaman kos rendah

(ii) Perniagaan runcit

(iii) Industri

(iv) Kediaman kos tinggi

(v) Pertanian

(vi) Perkhidmatan

- (b) Bincangkan sebab-sebab lokasi tersebut dipilih oleh setiap institusi.

( 25 markah )

- 00000000 -